

**DASAR PERLUASAN KUASA BROOKE KE ATAS
WILAYAH TRADISIONAL KESULTANAN
BRUNEI SEHINGGA TERBENTUKNYA
SARAWAK DI BAWAH PEMERINTAHAN
BROOKE (1841-1946)**



AGENSIA GIBIN


UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

**DASAR PERLUASAN KUASA BROOKE KE ATAS
WILAYAH TRADISIONAL KESULTANAN
BRUNEI SEHINGGA TERBENTUKNYA
SARAWAK DI BAWAH PENTADBIRAN
BROOKE (1841-1946)**

AGENSIA GIBIN



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk *Dasar Perluasan Kuasa Brooke ke Atas Wilayah Tradisional Kesultanan Brunei Sehingga Terbentuknya Sarawak di Bawah Pentadbiran Brooke (1841-1946)* ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022



Agensia Gibin

BA19110824

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **AGENSIA GIBIN**

NO. MATRIK : **BA19110824**

TAJUK : **DASAR PERLUASAN KUASA BROOKE KE ATAS WILAYAH
TRADISIONAL KESULTANAN BRUNEI SEHINGGA
TERBENTUKNYA SARAWAK DI BAWAH PENTADBIRAN
BROOKE (1841-1946)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA**

BIDANG : **SEJARAH**



1. PENYELIA

DIPERAKUI OLEH:

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


AMRULLAH MARAINING
Pensyarah
Program Sejarah
Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan
Universiti Malaysia Sabah

Encik Amrullah Maraining

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana telah menguatkan iman dan semangat saya dalam melaksanakan dan menyelesaikan tesis ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan kepada barisan pensyarah yang telah membenarkan tajuk kajian tesis saya ini dijalankan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada penyelia saya iaitu ENCIK AMRULLAH MARAINING yang telah bersungguh-sungguh dengan penuh semangat membimbing dan memberikan tunjuk ajar tanpa jemu dalam menyiapkan tesis ini. Saya amat berbesar hati apabila mendapat panduan yang sewajarnya sepanjang beliau membimbing kami dalam menyiapkan tesis ini. Setiap tunjuk ajar yang diberikan amat bermanfaat dan memudahkan saya untuk lebih memahami kajian yang saya jalankan. Kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyiapkan tesis ini amatlah saya hargai.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya yang telah memberi sumbangan dalam bentuk kewangan dan sokongan moral sepanjang saya menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah memberi tunjuk ajar dan sokongan moral kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada mereka yang telah terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam tesis ini.

Agensia Gibin

12 Ogos 2020

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk membincangkan mengenai dasar perluasan kuasa Brooke ke atas wilayah tradisional kesultanan Brunei sehingga terbentuknya Sarawak yang ada pada hari ini. Penelitian ke atas kajian yang dijalankan ini adalah berfokus kepada latar belakang perluasan kuasa Brooke, penaklukan wilayah tradisional kesultanan Brunei dan reaksi penduduk tempatan sepanjang pemerintahan Brooke di Sarawak. Pemerintahan Brooke di Sarawak telah berjalan selama 105 tahun yang bermula pada tahun 1841 hingga 1946 kecuali semasa pemerintahan Jepun. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dimana pengkaji telah merujuk pelbagai sumber bacaan yang boleh digunakan dalam merungkai sejarah Brooke di Sarawak dan peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan pemerintahan Brooke. Lebih menarik lagi dalam artikel ini kita dapat melihat reaksi pemimpin tempatan yang telah berjuang menentang pentadbiran Brooke di Sarawak.

Kata kunci: Sarawak, Brooke, Wilayah Tradisional Kesultanan Brunei, Reaksi Pemimpin Tempatan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

THE POLICY OF BROOKE'S POWER EXPANSION OVER THE TRADITIONAL TERRITORIES OF THE SULTANATE OF BRUNEI UNTIL THE FORMATION OF SARAWAK UNDER BROOKE'S RULE (1841-1946)

This study is to discuss the policy of Brooke's expansion of power over the traditional territory of the Sultanate of Brunei until the formation of Sarawak that exists today. The research on this study is focused on the background of the expansion of Brooke's power, the conquest of the traditional territory of the Sultanate of Brunei and the reaction of the local population throughout Brooke's rule in Sarawak. Brooke's rule in Sarawak lasted for 105 years which began in 1841 to 1946 except during the Japanese rule. This study uses a quantitative method where the researcher has consulted various reading sources that can be used in unravelling the history of Brooke in Sarawak and the events related to Brooke's rule. Even more interesting in this article we can see the reaction of local leaders who have fought against the Brooke administration in Sarawak.

Keywords: *Sarawak, Brooke, The Traditional Territory of The Sultanate of Brunei, The Reaction of Local Leaders*

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI FOTO	ix
SENARAI PETA	x
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 PERMASALAHAN KAJIAN	2
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	4
1.4 SOROTAN LITERATURE KAJIAN	4
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	9
1.6 SKOP KAJIAN	10
1.7 METODOLOGI KAJIAN	11
1.8 PEMBAHAGIAN BAB	12
1.9 KESIMPULAN	14

BAB 2 LATAR BELAKANG PERLUASAN KUASA BROOKE DI SARAWAK (1841-1946) 15

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Era Pertapakan Kuasa James Brooke di Sarawak (1841-1868)	15
2.3	Era Perluasan Kuasa Charles Brooke (1868-1917)	22
2.4	Era Pengekalan Kuasa Charles Vyner Brooke (1917-1946)	24
2.5	Era Kejatuhan Kuasa Brooke: Pertapakan Kuasa Jepun di Sarawak (1942-1945)	27
2.6	Kesimpulan	30

BAB 3 DASAR PERLUASAN KUASA SEMASA PEMERINTAHAN REGIM BROOKE KE ATAS WILAYAH TRADISIONAL KESULTANAN BRUNEI 1841 HINGGA 1905 34

3.1	Pendahuluan	34
3.2	Penyerahan Sarawak Asal 1841	37
3.3	Penyerahan Saribas dan Batang Lupar 1853	38
3.4	Penyerahan Mukah 1861	41
3.5	Pengambilan Tanjung Kidurong dan Baram 1882	43
3.6	Penyerahan Trusan 1885	47
3.7	Penguasaan di Limbang 1890	49
3.8	Penyerahan Sungai Lawas 1905	53
3.9	Kesimpulan	57

BAB 4	REAKSI PEMIMPIN TEMPATAN DI SARAWAK ERA PENTADBIRAN BROOKE 1841 HINGGA 1941	60
4.1	Pengenalan	60
4.2	Penentangan Rentap	62
	4.2.1 Latar belakang	62
	4.2.2 Faktor penentangan	64
	4.2.3 Peristiwa penentangan	67
4.3	Penentangan Sharif Masahor	71
	4.3.1 Latar belakang	71
	4.3.2 Faktor penentangan	73
	4.3.3 Peristiwa penentanga	75
4.4	Kesimpulan	79
BAB 5:	PENUTUP	81
SENARAI RUJUKAN		85



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

		Halaman
Foto 2.1:	James Brooke	16
Foto 2.2:	Charles Brooke	22
Foto 2.3:	Charles Vyner Brooke	25
Foto 4.1:	Rentap	63
Foto 4.2:	Sharif Masahor	72
Foto 4.3:	Sawing	75



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 3.1: Bahagian-bahagian Sarawak	34
Peta 3.2: Kawasan Saribas dan Batang Lupar	38
Peta 3.3: Kawasan Mukah	41
Peta 3.4: Kawasan Tanjung Kidurong	44
Peta 3.5: Kawasan Baram	44
Peta 3.6: Kawasan Sungai Trusan	48
Peta 3.7: Kawasan Limbang	49
Peta 3.8: Kawasan Lawas	54



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

SBUB Syarikat Borneo Utara British

T.M Tahun Masihi



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sarawak merupakan sebahagian daripada Kesultanan Brunei dan pentadbirannya dijalankan oleh seorang pembesar yang dilantik oleh Sultan Brunei.¹ Negeri Sarawak berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei sebelum kedatangan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1841.² Oleh itu, sejarah lama Sarawak mempunyai hubungan kait dengan sejarah Kesultanan Brunei kerana kawasan Sarawak pada ketika itu merupakan wilayah Brunei sebelum tahun 1841. Pangeran Md Salleh yang bergelar Pangeran Indera Mahkota telah dilantik menjadi Gabenor Kuching pada tahun 1827. Namun begitu, kedatangannya tidak disenangi oleh datuk-datuk Melayu yang berpengaruh di Kuching. Pada tahun 1836, penentangan ini telah memuncak hingga mencetuskan pemberontakan. Pangeran Usop menjadi pemimpin bagi pemberontakan ini beliau membuat pakatan dengan datuk-datuk Melayu. Tercetusnya kekacauan di kawasan Sungai Saribas dan Skrang dalam kalangan orang Iban manakala pelombong-pelombong emas dan anatomi yang terdiri daripada orang Cina telah mencetuskan kekacauan di Daerah Bau.³

Sejarah moden Sarawak bermula dengan ketibaan James Brooke yang merupakan seorang pengembara British di Kuching pada 11 Ogos 1839. Pada awal kedatangan Brooke ke Sarawak, kawasan Sarawak hanya merujuk kepada Sarawak

¹ Mohd. Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2007, hlm. 262.

² Ho Hui Ling, *Pembangunan Sosial Di Negeri Sarawak Pada Zaman Pentadbiran Kolonial British, 1946-1963*, *Jurnal Sarjana Jilid 24*, 2009, hlm. 82.

³ Mohd. Isa Othman, *op cit.*, hlm. 262.

lama iaitu sekitar Sungai Sarawak sahaja dan dikuasai oleh Sultan Brunei.⁴ Perluasan kuasa Brooke di Sarawak bermula dengan tindakan beliau yang mengambil kesempatan dalam masalah ketidakstabilan di kawasan tertentu seperti penentangan rakyat. Peristiwa tersebut dapat dikaitkan dengan tindakan yang diambil oleh Sultan Omar Ali Saifuddin yang telah menghantar Pengeran Muda Hashim ke Kuching pada tahun 1837 untuk meredakan dan menenteramkan kekacauan yang berlaku. Malangnya tindakan tersebut telah menemui kegagalan apabila Pangeran Muda Hashim gagal untuk memulihkan keamanan sehingga ketibaan seorang Inggeris bernama James Brooke.

Pada 15 Ogos 1839, James Brooke telah tiba di Sarawak, Pangeran Muda Hashim memberitahu berkaitan kekacauan yang dihadapi. Maka Pangeran Muda Hashim meminta Brooke tinggal di Sarawak untuk beberapa waktu sebagai satu demonstrasi kekuatan kepada pemberontak-pemberontak sehingga bulan September. Brooke kembali semula ke Sarawak pada bulan Ogos 1839 dan didapati kekacauan yang berlaku semakin buruk. Kali ini Pangeran Muda Hashim meminta bantuan Brooke membantu menghapuskan pemberontakan dengan menawarkan daerah Seniawan dan Kuching serta melantik Brooke sebagai pemerintah. Brooke berjaya menghapuskan pemberontakan dan memakai gelaran residen pada bulan Februari 1841 dan pada bulan September menjadi penguasa penuh.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Secara umumnya didapati banyak kajian lepas yang mengkaji berkaitan Sejarah Sarawak. Walau bagaimanapun kajian lepas tersebut kurang memberikan tumpuan kepada era pentadbiran keluarga Brooke di Sarawak yang dapat dibahagikan kepada tiga era pentadbiran yang berbeza. Maka kajian ini lebih memfokuskan kepada era

⁴ Ho Hui Ling, Pergerakan Politik Di Sarawak: Isu Penyerahan Sarawak Kepada British, In: Seminar Guru Sejarah: Pemantapan dan Pengisian Ilmu Sejarah Topik Terpilih dalam Sukatan Sejarah Tingkatan 5, Dewan Kuliah C, Fakulti Sastera & Sains Sosial Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2017, hlm.1.

pertapakan kuasa James Brooke di Sarawak pada tahun 1841 hingga 1868, era perluasan kuasa yang dilakukan oleh Charles Brooke pada tahun 1868 hingga 1917, dan era pengekalan kuasa oleh Charles Vyner Brooke pada tahun 1917 hingga 1946. Oleh hal yang demikian, kita dapat melihat bagaimanakah latar belakang dan dasar-dasar perluasan kuasa yang dilakukan oleh keluarga Brooke di Sarawak sehingga Brooke berjaya menduduki Sarawak. Bukan itu sahaja, kita juga dapat melihat era kejatuhan kuasa keluarga Brooke di Sarawak semasa kedatangan Jepun di Sarawak.

Selain itu, pada masa kini generasi muda kurang terdedah dengan Sejarah pembentukan Sarawak. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak semua generasi muda pada hari ini melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang Sejarah. Walaupun mereka mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan dengan Sejarah Sarawak yang dipelajari di peringkat Sekolah Menengah namun pengetahuan yang dimiliki oleh mereka adalah pengetahuan secara umum. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan generasi muda dan orang ramai mengenai kronologi perluasan kuasa Brooke keatas wilayah tradisional kesultanan Brunei yang berlaku pada tahun 1841 hingga 1905 sehingga terbentuknya Sarawak. Maka dengan adanya kajian ini generasi muda akan mengetahui Sarawak pada asalnya hanya merujuk kawasan Kuching sahaja tetapi telah berkembang setelah kedatangan Brooke di Sarawak.

Akhir sekali, kekurangan bahan rujukan pada penulisan kajian-kajian lepas menyebabkan tidak semua reaksi pemimpin tempatan terhadap pemerintahan keluarga Brooke dapat dijelaskan. Justeru itu, kajian ini akan menjelaskan bagaimanakah reaksi pemimpin tempatan ketika Brooke memerintah Sarawak berdasarkan kepada sumber-sumber penulisan kajian lepas dan sumber-sumber baru. Dimana kajian ini akan menjelaskan berkaitan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pemimpin tempatan sebagai reaksi mereka terhadap pemerintahan Brooke di Sarawak.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan kepada tiga objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu:

- i. Mengenal pasti latar belakang perluasan kuasa Brooke di Sarawak (1841-1946).
- ii. Merungkai dan menjelaskan dasar perluasan kuasa yang dilakukan semasa pemerintahan Dinasti Brooke ke atas wilayah tradisional Kesultanan Brunei 1841 hingga 1905.
- iii. Menjejaskan reaksi pemimpin tempatan ketika Sarawak berada di bawah pentadbiran Brooke 1841 hingga 1946.

1.4 SOROTAN LITERATUR KAJIAN

Secara umum, kita mengetahui terdapat banyak kajian berkaitan Sejarah Sarawak telah ditulis oleh banyak pengkaji dan penyelidik yang terdahulu. Justeru itu, sebelum menentukan skop kajian yang lebih khusus, pengkaji telah membuat sorotan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan dasar perluasan kuasa Brooke ke atas wilayah tradisional kesultanan Brunei sehingga terbentuknya Sarawak di bawah pentadbiran Brooke 1841-1946. Sorotan literatur ini terbahagi kepada tiga tema utama iaitu latar belakang perluasan kuasa Brooke, dasar perluasan kuasa semasa pemerintahan regim Brooke ke atas wilayah tradisional kesultanan Brunei dan reaksi yang ditunjukkan oleh pemimpin tempatan terhadap pemerintahan Brooke di Sarawak selama 105 tahun.

Sebuah kajian yang dijalankan oleh Ho Hui Long (2017), kajian ini adalah berkaitan dengan pergerakan politik di Sarawak iaitu isu penyerahan Sarawak kepada British. Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada tiga perkara utama iaitu sebab Sarawak diserahkan kepada British, proses penyerahan Sarawak, dan gerakan

anti-penyerahan dan reaksi penduduk. Dalam kajian ini pengkaji mendapati terdapat sedikit persamaan dengan kajian yang akan dijalankan iaitu berkaitan dengan sejarah lama Sarawak yang mempunyai hubung kait dengan sejarah Kesultanan Brunei kerana kawasan Sarawak pada ketika itu merupakan wilayah jajahan Brunei iaitu sebelum tahun 1841. Sejarah moden Sarawak turut dikatakan bermula dengan pengasasan Dinasti Brooke pada tahun 1841. Oleh sebab itu, keluarga Brooke dikatakan mula berkuasa di Sarawak setelah James Brooke berjaya mematahkan pemberontakan di Sarawak pada tahun 1836 hingga 1840 yang dilakukan oleh penduduk tempatan terhadap wakil pentadbir Brunei. Sebagai balasannya, James Brooke telah diistiharkan sebagai Raja Sarawak pada 24 September 1841. Walaupun kajian pengkaji lepas ini mempunyai sedikit persamaan dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji namun, dalam kajian ini pengkaji akan memfokuskan kepada latar belakang perluasan kuasa keluarga Brooke di Sarawak sehingga berjaya menjadi Raja Sarawak.

Selain itu, terdapat juga sebuah kajian yang dijalankan oleh Radia'n bin Jili (1982), kajian ini memfokuskan kepada peristiwa kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku pada tahun 1929 hingga 1941 telah mendatangkan kesan kepada pemerintahan Brooke di Sarawak. Menurut Radia'n pemerintah keluarga Brooke iaitu pada tahun 1841 hingga 1946 adalah kerajaan persendirian yang wujud di persisir pantai Borneo hingga ke pedalaman bersempadanan dengan jajahan Belanda di Kalimantan (*Ducth Borneo*). Dikatakan juga bahawa, saiz kewilayahan negeri Sarawak berkembang pesat sehingga 1905. Pada awalnya, kerajaan Brooke berpusat di Kuching, Brooke juga berjaya membentuk dan mewujudkan pentadbiran yang sistematik di Sarawak. Kajian lepas ini lebih, menumpukan berkaitan dengan kesan kemelesetan ekonomi dunia dan memastikan adakah krisis ekonomi dunia ini telah menjadi sebab Sarawak diserahkan kepada British. Kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu berbeza dengan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Hal ini kerana pengkaji tidak menyentuh mengenai krisis ekonomi dunia pada tahun 1929 hingga 1933 yang telah menjadi faktor Sarawak diserahkan kepada British oleh Vyner Brooke. Dalam kajian yang akan dilakukan pengkaji, pengkaji akan lebih memfokuskan latar belakang perluasan kuasa Brooke di Sarawak, pakatan yang disepakati antara

Pangeran Raja Muda Hashim dengan Brooke sehingga keluarga Brooke berjaya mentadbir Sarawak dan menjadi Raja Sarawak.

Sebuah kajian yang dijalankan oleh Haji Awg Asbol (2013), kajian ini berkaitan dengan survival Kesultanan Brunei abad ke-19 dan awal abad ke-20 dalam konteks perjanjian-perjanjian dengan British. Dalam konteks ini pengkaji cuba untuk menganalisis hubungan perjanjian yang ditandatangani dengan pihak British dengan Kesultanan Brunei abad ke-19 dan awal abad ke-20. Didapati bahawa terdapat banyak perjanjian yang telah dibuat antara kedua-dua pihak dalam tempoh masa tersebut. Kajian lepas ini mempunyai persamaan dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji dimana pengkaji mengenal pasti berkaitan dengan perjanjian-perjanjian yang telah dibuat sehingga Brooke dapat meluaskan kuasanya keatas wilayah tradisional kesultanan Brunei dari tahun 1841 hingga 1905. Kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu sangat bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji bagi mengenal pasti wilayah kesultanan Brunei yang telah menjadi milik Sarawak sepanjang pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak.

Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Habid's Buhigiba, Suffian Mansor, dan Mohd bin Shamsuddin (2018), mengenai pembentukan daerah Lawas sebagai daerah terakhir bersama kerajaan Sarawak. Kajian yang dijalankan ini ialah berkaitan tentang sejarah pembentukan daerah Lawas dan bagaimanakah daerah ini menyertai kerajaan Sarawak sebagai daerah yang terakhir sejak bermula perluasan kuasa Sarawak pada tahun 1841. Dalam kajian ini kita dapat melihat sejarah awal pemerintahan kerajaan Sarawak dan persaingan Raja Brooke dan Syarikat Borneo Utra British (SBUB) mengenai status tanah jajahan di Sungai Trusan dan Lawas. Dalam kajian ini dikatakan bahawa, pengambilan Sungai Lawas sangat berbeza dengan sungai-sungai Sarawak yang lain dan kajian ini turut membuktikan bagaimanakah pengambilan Sungai Lawas merupakan proses akhir yang telah melengkapkan struktur daerah di negeri Sarawak dan kekal membentuk kerajaan Sarawak pada hari ini. Oleh itu, kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu akan dikembangkan lagi oleh pengkaji dalam kajian yang akan dilakukan.

Seterusnya, sebuah kajian yang dijalankan Haji Awang Asbol (2004), berkaitan dengan Kesultanan Melayu Brunei 1850 hingga 1906 iaitu Limbang Jasad Brunei dan Brunei Roh Limbang. Kajian ini membincangkan berkaitan dengan peranan Sultan Abdul Momin (T.M 1852-1885), Sultan Brunei yang ke dua puluh empat dan Sultan Hashim (T.M 1885-1906), Sultan Brunei yang ke dua puluh lima dalam menghadapi kehilangan wilayah Kesultanan Melayu Brunei. Dalam kajian ini kita dapat melihat kuasa pemerintahan Sultan Hashim ke atas Limbang semakin lemah dan tidak terkawal. Perjanjian 1888 tidak mampu mempertahankan kemerosotan jajahan Brunei, bahkan ini boleh dikatakan satu perjanjian berat sebelah. Selain itu, kita juga dapat melihat pendirian Sultan Hashim untuk tidak menyerahkan Limbang walaupun ditawarkan dengan wang yang banyak, usahanya dalam mempertahankan Limbang tidak berakhir sehingga baginda mangkat. Oleh hal yang demikian kajian lepas yang dijalankan oleh pengkaji ini mempunyai hubungan dan kesinambungan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Dimana pengkaji akan menghuraikan lebih terperinci mengenai Limbang menjadi salah satu kawasan yang membentuk Sarawak dan menjawab berkaitan isu pengambilan dan penyerahan Limbang kepada Brooke berdasarkan perjanjian yang telah dibuat.

Sebuah kajian Ismail bin Haji Awang Nordin berkaitan dengan Perjanjian 1888 Suatu Harapan dan Kekecewaan. Dalam kajian ini pengkaji cuba untuk menyerap perkembangan yang membawa kepada Perjanjian 1888, kepentingan dan peranannya dalam menjamin kelangsungan kesultanan dan kedaulatan Brunei serta harapan dan kekecewaan Sultan Hashim Jalilul Alam Agmaddin dalam usahanya mengekalkan kedaulatan Brunei sehingga wujudnya perjanjian tambahan kepada Perjanjian 1888 dalam tahun 1906 dan pengkaji juga melihat beberapa perkembangan dalam dekad pertama abad ke-20. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang akan dikaji oleh pengkaji dimana pengkaji akan meneliti isi kandungan yang terdapat dalam kajian lepas dan mengembangkannya dalam kajian yang akan dibuat. Oleh hal yang demikian pengkaji akan meneliti bagaimanakah Perjanjian 1888 ini telah membawa Limbang sebagai salah satu kawasan yang menjadi milik Sarawak semasa Dinasti Brooke.

Sebuah kajian Hj Awg Asbol bi Hj Mail (2019), mengenai pemberontakan Sarawak 1835-1844 iaitu detik-detik awal campur tangan British ke atas politik Kesultanan Brunei. Kajian ini meneliti berkaitan dengan pemberontakan penduduk Sarawak asal telah mengundang kepada campur tangan Inggeris ke atas politik Kesultanan Brunei pada awal abad kesembilan belas. Punca peristiwa tersebut berlaku adalah disebabkan krisis rebutan kuasa politik di antara dua orang pembesar yang bertaraf wazir iaitu Raja Muda Hashim dengan Pangeran Yusof. Kajian ini mempunyai sedikit persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dimana pengkaji lebih memfokuskan mengenai reaksi pemimpin tempatan ketika Sarawak berada di bawah pentadbiran Brooke pada tahun 1841-1941 dan tindakan-tindakan yang diambil oleh pemimpin ini untuk menolak pentadbiran keluarga Brooke di Sarawak.

Selain itu, terdapat juga sebuah kajian yang dijalankan oleh Ismail Ali (2013), berkaitan dengan perburuan hamba, perlanunan dan kempen penghapusan lanun di Sarawak berkaitan perspektif sejarah Maritim. Kajian ini berkaitan dengan penglibatan dan peranan pembesar Brunei dan Melayu di Sarawak dalam aktiviti pemburuan hamba dan perlanunan serta membentuk rejim Brooke dalam kempen penghapusan kaum di sekitar perairan. Sarawak dan Brunei pada era pentadbiran Sultan Omar Ali Saifuddin II (1828-1852) dari perspektif ekonomi dan budaya maritim barat. Kajian ini berbeza dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji yang akan menjelaskan berkaitan reaksi pemimpin tempatan terhadap penguasaan Brooke di Sarawak yang telah mencampuri adat orang asli Sarawak semasa pemerintahannya.

Akhir sekali, sebuah kajian yang ditulis oleh Low Kok On berkaitan dengan lambang semangat Juang dalam lagenda Rentap dan sejarah penentangannya terhadap Raja Brooke di Sarawak. Dalam kajian ini kita dapat melihat sejarah penentangan Rentap terhadap pemerintahan Brooke. Rentap terkenal sebagai seorang wira rakyat Iban yang menentang pemerintahan Raja Brooke di Sarawak pada kurun ke-19. Justeru itu, kajian lepas ini mempunyai sedikit kaitan dengan

reaksi pemimpin tempatan terhadap pemerintahan Brooke di Sarawak yang hendak dikaji oleh pengkaji. Oleh itu, hasil kajian lepas ini dapat membantu pengkaji dalam meneliti dan memahami sejarah penentangan Rentap terhadap Brooke dengan lebih mendalam. Selain itu, pengkaji akan mengembangkan lagi kajian sedia ada dengan fakta-fakta baharu yang ditulis oleh pengkaji lain dan membuat analisis berkaitan hasil pemerolehan data.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting bagi menjelaskan berkaitan dengan latar belakang perluasan kuasa Brooke di Sarawak. Dengan menelusuri latar belakang perluasan kuasa Brooke di Sarawak kita dapat mengetahui berkaitan dengan peristiwa penentangan yang berlaku di Sarawak pada tahun 1836 hingga 1846 dan faktor berlakunya penentangan terhadap Pangeran Indera Mahkota iaitu seorang bangsawan Brunei yang telah dihantar oleh Sultan Omar Ali Saifuddin sebagai wakil baginda untuk memerintah Sarawak. Seterusnya dengan melakukan kajian ini kita dapat mengetahui berkaitan dengan pakatan Pangeran Raja Muda Hashim dengan James Brooke sehingga James Brooke berjaya meluaskan kekuasaannya di Sarawak.

Kajian ini juga penting untuk memperlihatkan kepada masyarakat berkaitan dengan dasar perluasan kuasa yang dilakukan semasa pemerintahan Dinasti Brooke ke atas wilayah tradisional Kesultanan Brunei pada tahun 1841 hingga 1905. Secara umumnya, walaupun kita mengetahui bahawa Sarawak pada awalnya adalah sebahagian daripada Kesultanan Brunei dan pentadbirannya dijalankan oleh seorang pembesar yang dilantik oleh Sultan Brunei. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat segelintir masyarakat yang tidak mengetahui bagaimanakah pembentukan Sarawak pada awalnya dan kekal sehingga hari ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini sangat penting untuk menerangkan secara terperinci bagaimanakah dasar perluasan kuasa yang dilakukan oleh Brooke ke atas wilayah tradisional Kesultanan Brunei telah berjaya membesarkan kawasan Sarawak seperti yang ada pada hari ini.

Selain itu, masyarakat dan orang ramai dapat memahami bagaimanakah perjanjian-perjanjian yang telah dibuat memberikan keuntungan kepada Brooke dalam menjalankan dasar perluasan kuasanya.

Kajian ini juga dapat menerangkan dengan jelas mengenai reaksi pemimpin tempatan ketika Sarawak berada di bawah pentadbiran Brooke 1841 hingga 1946. Oleh itu, melalui kajian ini pembaca yang terdiri daripada masyarakat, pelajar dan individu dapat memberikan gambaran mereka mengenai reaksi pemimpin tempatan dalam mempertahankan tanah air mereka daripada dikuasai oleh Brooke. Kesimpulannya, kajian ini secara keseluruhannya dapat memberikan pengetahuan dan maklumat tambahan kepada pengkaji akan datang sebagai panduan dalam melaksanakan kajian mereka dengan melakukan penambahbaikan kajian sedia ada dengan maklumat-maklumat yang baharu.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop bidang yang diutamakan dalam kajian ini adalah bidang Sejarah Sosial yang memfokuskan kepada sejarah penjajahan. Era penjajahan Dinasti Brooke di Sarawak. Skop kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kawasan kajian, tempoh kajian dan aspek kajian.

Dari segi kawasan kajian pengkaji memfokuskan tempat-tempat yang terlibat semasa pemerintahan Brooke di Sarawak dan wilayah tradisional Kesultanan Brunei. Lokasi kajian tersebut dipilih kerana Sarawak adalah sebahagian daripada Kesultanan Brunei dan pentadbirannya dijalankan oleh seorang pembesar yang dilantik oleh Sultan Brunei suatu ketika dahulu.

Seterusnya, dari segi tempoh masa kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah dari tahun 1841 hingga 1941. Tempoh masa ini adalah berdasarkan kepada era pemerintahan Dinasti Brooke di Sarawak.

Akhir sekali, dari segi aspek kajian yang dikaji terdapat tiga aspek kajian utama yang difokuskan. Kajian ini tertumpu kepada latar belakang perluasan kuasa Brooke di Sarawak. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan dasar perluasan kuasa yang dilakukan semasa pemerintahan Dinasti Brooke keatas wilayah tradisional Kesultanan Brunei dari tahun 1841 hingga 1905. Akhir sekali, pengkaji turut menjelaskan mengenai reaksi pemimpin tempatan terhadap pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak.

1.7 METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya, pendekatan penyelidikan yang digunakan pengkaji dalam kajian ini merupakan penyelidikan berdasarkan gambaran sedia ada atau bersifat deskriptif. Kajian ini adalah untuk mengkaji dan menghuraikan secara sistematik dan empirikal berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya yang berbentuk deskriptif.

Reka bentuk kajian yang dilakukan pengkaji adalah menjurus kepada bagaimana dan cara dalam mendapatkan jawapan mengenai persoalan kajian yang telah timbul dalam kajian ini. Selain itu, ianya juga merupakan metode yang digunakan dalam mencapai objektif kajian yang hendak dicapai oleh pengkaji.

Bagi mencapai objektif kajian, pengkaji telah berusaha sedaya upaya dalam mendapatkan semua sumber dan bahan rujukan yang diperlukan dalam kajian ini. Pada peringkat permulaan, pengkaji telah menjalankan tinjauan kepustakaan bagi